

27 FEB 2001

MAHATHIR-KWSP

KWSP PASTI ANALISIS APA YANG PERLU DILAKUKAN, KATA DR M

SUBANG, 27 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dengan pengurusan barunya sudah semestinya akan menganalisis apa yang perlu dilakukan untuk meningkatkan keuntungannya.

Oleh itu, usaha untuk mengkaji semula dasar pelaburan KWSP adalah merupakan satu perkara yang biasa dilakukan, katanya kepada pemberita di sini hari ini sekembali beliau daripada menghadiri Forum Boao bagi Asia (BFA) di Hainan, China.

Mengenai pembayaran dividen yang rendah oleh KWSP, Dr Mahathir berkata keuntungan pelaburan KWSP dalam pasaran saham tidak begitu meningkat kerana keadaan pasaran yang agak lembab.

"Kalau nak bagi dividen tinggi kita jual kaunters baik, EPF akan tinggal dengan kaunters yang kurang baik. Oleh itu terpulanglah kepada EPF bagaimana hendak membayar dividen mereka," katanya.

"Kalau kita guarantee (membayar dividen yang tinggi) dan kita tak ada duit, kita kena jual saham, itu cari merosakkan kemudian. Kita tidak boleh jual saham yang baik kerana nak bayar dividen yang tinggi. Dividen bermakna keuntungan tetapi itu bukan keuntungan sebenarnya," kata Perdana Menteri.

Menurutnya, setiap perniagaan ada untung dan ruginya dan masing-masing perlu mencari jalan untuk mencari keuntungan tetapi bukan memberi jaminan keuntungan.

Semalam, KWSP mengumumkan pembayaran dividen tahunan sebanyak enam peratus berasaskan pendapatan bersih RM10.18 bilion tahun lepas. Pembayaran dividen itu lebih rendah daripada kadar 6.84 peratus pada 1999.

Dr Mahathir berkata pelabur individu juga tidak semestinya mendapat untung dan beliau berasa hairan mengapa semua dana dilabur mesti mendapat untung walaupun syarikat rugi.

"Walupun indeks KLSE (Bursa Saham Kuala Lumpur) turun kita mesti dapat untung. Ini Mat Jenin punya pelaburan... setiap kali melabur dapat untung," kata Perdana Menteri.

Menjawab soalan mengenai kritikan sesetengah pihak bahawa Forum Boao hanya menguntungkan China, Dr Mahathir berkata ia tidak menjejaskan mana-mana pihak.

Katanya, negara-negara Asia berhak berjumpa dan berbincang mengenai masalah negara di Asia serta mencari kebaikan daripada segi ekonomi.

Dr Mahathir berkata beliau berpuas hati dengan forum itu walaupun hanya menghadiri majlis perasmianya sahaja.

Mengenai respon terhadap cadangannya pada forum itu berhubung cukai infrastruktur, Perdana Menteri berkata beliau tidak tahu mengenai respon orang lain tetapi Presiden China Jiang Zemin tidak menolak cadangan itu.

Dalam ucaptamanya pada forum itu, Dr Mahathir mencadangkan sebuah agensi diwujudkan di bawah pemerhatian Bangsa-bangsa Bersatu (UN) bagi mengutip cukai daripada negara-negara kaya supaya dana-dana ini boleh digunakan membiayai program-program infrastruktur di negara-negara yang miskin.

Perdana Menteri berkata kos infrastruktur terlalu tinggi dan negara-negara miskin mungkin tidak mampu membina infrastrukturnya sendiri.

Katanya, memandangkan bantuan pembangunan asing masih lagi tidak mencukupi, sumber dana baru dan boleh diharapkan mesti diwujudkan.

-- BERNAMA

SHO MKO OS

